

Malaysia sudah dibenar eksport ikan ke EU

Berita Harian 12/05/2010 M/S 28

MERUJUK laporan muka surat 41 akhbar ini bertarikh 6 Mei lalu berhubung negara kerugian RM1 bilion produk makanan laut.

Malaysia sudah pun dibenarkan mengeksport semula ikan dan hasilan ikan dari bahan mentah akuakultur dan import ke Kesatuan Eropah (EU) pada 15 Mei tahun lalu. Ini berikutan selepas lulus hasil pemeriksaan oleh pihak 'Food and Veterinary Office (FVO)' dari EU pada 3 dan 12 Mac tahun lalu. Setakat ini sembilan premis pemprosesan ikan dan hasilan laut sudah mengeksport produk mereka ke EU.

Ketika Malaysia menarik diri secara sukarela mengeksport ikan dan hasilan

ikan ke EU, pihak pengusaha pemprosesan sudah pun mencari pasaran baru ke negara lain seperti ke Maghribi, Mesir, Arab Saudi, Korea dan Vietnam serta memperkukuhkan pasaran ke China, Singapura, Australia dan Amerika Syarikat bagi menggantikan pasaran ke EU.

Sehubungan itu, isu yang dibangkit oleh Yayasan Ekonomi Sejagat (YES) bahawa negara sudah kehilangan RM1 bilion adalah tidak tepat.

Merujuk kepada perkara itu, untuk mengeksport ikan dan hasilan ikan ke EU, syarat utama ialah mesti mematuhi semua peraturan EU dan arahan EU yang dikenakan kepada pihak berku-

asa sebagai Competent Authority (CA) dan juga pihak pengusaha pemprosesan sebagai Operator Perniagaan Makanan (FBO).

Kebanyakan pengusaha premis pemprosesan ikan dan hasilan ikan di negara ini, sudah mempunyai maklumat yang diperlukan dan berkeupayaan untuk memenuhi syarat itu.

Sebelum pengusaha dibenarkan mengeksport ikan dan hasilan ikan ke EU, mereka perlu mendapatkan nombor EU untuk premis dan produk yang mereka hendak eksport.

Tidak timbul bagi pengusaha pemprosesan untuk mendapat ISO IEC 17025 kerana ini adalah khusus keperluan untuk makmal saja

yang menjalankan analisis rasmi untuk eksport ke EU.

Ketika ini, terdapat beberapa makmal sudah pun dilantik oleh Kementerian Kesihatan sebagai makmal rasmi untuk menjalankan analisis bagi ikan dan hasilan ikan dan sudah di akreditasi mengikut ISO/IEC 17025.

YES dan Pembangunan Buku Hijau Holdings Bhd (PBHH) tidak pernah berhubung dan berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mahupun Jabatan Perikanan Malaysia mengenai hasrat untuk menubuhkan pusat rujukan untuk pengeluaran dan pengusaha bagi mendapat perkhidmatan mengenai piawaian makanan laut ditetapkan.

Bagi urusan eksport ikan dan hasilan ikan ke EU, pihak pengusaha ladang, vesel penangkapan ikan dan pengusaha pemprosesan makanan laut hendaklah berurusan dengan CA saja dan tidak ada pihak lain kerana kelulusan dan pemantauan perlu dibuat oleh pihak CA.

Selain itu, CA dan Kementerian Kesihatan juga menguruskan permohonan pihak pengusaha pemprosesan untuk mendapat nombor EU sebagai prasyarat untuk mengeksport ikan dan hasilan ikan ke EU.

NUR DALIZA DOHAT,

*Ketua Komunikasi Korporat,
Kementerian Pertanian dan
Industri Asas Tani Malaysia.*